

SOALAN NO. 189

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif Kerajaan bagi membuka taska secara terancang di tempat kerja sektor awam dan juga sektor swasta dan adakah ianya dirancang untuk kawasan Kota Samarahan.

JAWAPAN:

Adalah menjadi perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) supaya lebih banyak taman asuhan kanak-kanak (TASKA) khususnya di tempat kerja ditubuhkan. Langkah ini penting bagi membolehkan lebih ramai golongan wanita memasuki pasaran pekerjaan selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) yang menyasarkan kadar 55% penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan pada tahun 2015.

Pihak kerajaan telah mengambil inisiatif supaya lebih banyak TASKA, khususnya di tempat kerja ditubuhkan. Bagi menggalakan pembukaan TASKA di tempat kerja di sektor awam, kerajaan telah menambah geran pelancaran penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam daripada RM50,000.00 kepada RM80,000.00 pada tahun 2007. Seterusnya, kerajaan telah meningkatkan geran pelancaran tersebut daripada RM80,000.00 kepada RM200,000.00 sewaktu pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009. Sehingga bulan Januari 2015 sebanyak 91 buah TASKA di tempat kerja sektor awam telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kerajaan turut menggalakkan penubuhan TASKA di tempat kerja sektor swasta. Sehingga bulan Januari 2015, sebanyak 29 buah TASKA di tempat kerja sektor swasta awam telah berdaftar dengan JKM.

Pelbagai inisiatif kerajaan untuk menggalakkan majikan dan pengusaha TASKA untuk menubuhkan TASKA di tempat kerja di sektor swasta. Antaranya dengan menyediakan insentif percukaian seperti berikut:

- a) Perenggan 42(2) Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 membolehkan majikan yang menggunakan bangunan untuk pengasuhan kanak-kanak layak diberi elaun bangunan perindustrian selama 10 tahun terhadap perbelanjaan pembinaan atau pembelian bangunan; dan

- b) Potongan cukai 2 kali untuk ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelengaraan kemudahan TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak akan diberi kepada majikan.

Justeru, adalah di harapkan segala inisiatif kerajaan ini, dapat menggalakan penubuhan TASKA di tempat kerja di seluruh negara.

Sehingga Mac 2015, terdapat 4 buah TASKA Tempat Kerja yang didaftarkan dengan JKM di Sarawak. Sehubungan ini, cadangan untuk penubuhan TASKA Tempat Kerja di kawasan Kota Samarahan hendaklah dipohon melalui kerajaan Persekutuan jika ia melibatkan agensi kerajaan Persekutuan. Manakala bagi agensi di bawah kerajaan Negeri hendaklah membuat permohonan melalui kerajaan Negeri bagi menubuhkan TASKA Tempat Kerja.